



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 12 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	LELAKI TUMBUK MUKA ISTERI, DAKWA CURANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1059852/lelaki-tumbuk-muka-isteri-dakwa-curang	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211392/tumbuk-muka-isteri-kerana-cemburu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/suami-tumbuk-muka-isteri-dakwa-curang/	BULETINTV3.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/649066/berita/semasa/wanita-dipukul-diugut-bunuh-angkara-suami-cemburu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	NENEK GIGIH JAGA 4 CUCU 'DIBUANG' IBU KANDUNG	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1211087/nenek-gigih-jaga-4-cucu-dibuang-ibu-kandung	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PEMUDA DITAHAN KES INTAI WANITA GUNA 'SPY CAM'	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/11/pemuda-ditahan-kes-intai-wanita-guna-spy-cam/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/polis-tahan-lelaki-20-an-bantu-siasatan-kes-intip-wanita-di-inap-desa/	UTUSAN.COM.MY



Lelaki tumbuk muka isteri, dakwa curang

Juwan Riduan
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan.

Beaufort: Berang kerana mengesyaki isteri ada hubungan dengan lelaki lain, seorang lelaki mengamuk dan menumbuk muka wanita itu di Kampung Siaun, Menumbok, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 10 pagi itu, mangsa berusia 34 tahun cedera di pipi kanan dan luka di bawah kening.

Ketua Polis Daerah Beaufort, Deputy Superintendan Ismail Abdullah berkata, siasatan awal mendapati kejadian berlaku di dalam kereta di hadapan rumah mereka.


"Suspek dikatakan tiba-tiba mengamuk sebelum bertindak memukul muka mangsa (isteri).

"Suspek juga mengugut untuk membunuh mangsa," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, susulan laporan, pasukan Bahagian Siasatan Jenayah dan anggota Ronda Cegah Jenayah Balai Polis Menumbok menahan suspek untuk siasatan.

"Punca kejadian disebabkan suspek cemburu dan menuduh isterinya ada hubungan dengan lelaki lain.

"Suspek berusia 35 tahun kini direman selama empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga," katanya.



Nenek gigih jaga 4 cucu 'dibuang' ibu kandung

Oleh Mary Victoria Dass - Februari 11, 2024 @ 8:00am
bhnews@bh.com.my



Nenek menjaga empat cucu yang ditinggalkan ibu kandung mereka. - Foto NSTP/Nur Aisyah Mazalan

JOHOR BAHRU: Atas dasar kasih, seorang nenek mengambil alih tugas membesarkan empat cucu termasuk seorang orang kurang upaya (OKU) selepas mereka diabaikan ibu kandung.

Warga emas itu yang hanya mahu dikenali sebagai Mariam, 68, menjaga empat cucunya berusia, 11, 10, enam dan tujuh bulan.

Menurutnya, dia tidak sanggup melihat cucunya berdepan pelbagai kesukaran hidup akibat perbuatan tidak bertanggungjawab anaknya yang melakukan pengabaian terhadap mereka sejak kecil.

"Anak perempuan saya terabit dengan dadah dan dia juga bergelumang dengan masalah sosial.

"Cucu sulung ditinggalkan di rumah mereka di Ipoh, Perak selepas dilahirkan. Demikian juga dengan dua lagi cucu.

"Cucu keempat diserahkan kepada saya oleh pihak mahkamah di Ipoh selepas ibunya disabitkan kes penderaan dan pengabaian anak," katanya ditemui di sebuah projek perumahan rakyat (PPR) di bandar raya ini.



Pengurus Besar Pasaraya Eonsave Cash And Carry Mas Imran Adam (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Normah Asinar dan cucunya di PPR Kempas Permai, Johor. - Foto NSTP/Nur Aisyah Mazalan


Menurutnya, cabaran dan ujian terbesar dihadapinya ketika ini adalah cucu keempat dilahirkan dengan masalah sumbing bibir dan langit dan memerlukan pembedahan segera di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.

Menurutnya, buat masa ini dia menampung kos ulang-alik ke hospital, keperluan dan persekolahan cucu menggunakan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal RM1,000 sebulan.

"Katanya, sebelum ini dia bekerja sebagai tukang cuci dan menjual cendol namun kini dia tidak mampu bekerja selepas cedera kaki akibat kemalangan selepas diragut penjenayah empat tahun lalu.

Terdahulu ibu tunggal itu menerima kunjungan Pengurus Besar Pasar Raya Eonsave, Mas Imran Adam yang menyampaikan sumbangan.

Mas Imran berkata, bantuan barang basah, keperluan asas, susu dan lampin pakai buang bernilai RM1,100 bagi meringankan beban Normah.



Pemuda ditahan kes intai wanita guna 'spy cam'

Oleh SAFINA RAMLI 11 Februari 2024, 7:31 pm



Tangkap layar penemuan kamera tersembunyi di dalam tandas sebuah inap desa di Jelutong, baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Polis hari ini menahan seorang pemuda yang disyaki terlibat dalam kes mengintip seorang wanita dengan menggunakan kamera tersembunyi atau spy cam di dalam bilik air sebuah inap desa di Jelutong, di sini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Razlam Ab. Hamid berkata, suspek ditahan di Kuala Lumpur dan direman selama empat hari bermula hari ini.

"Suspek lelaki berusia 20-an itu ditahan bagi membantu siasatan kes berkaitan," katanya di sini, hari ini.



Razlam.

Sebelum ini, tular di aplikasi X mengenai dakwaan seorang wanita yang mendakwa dirinya menjadi mangsa intipan dengan menggunakan kamera tersembunyi.

Wanita berusia 24 tahun itu mendakwa percutiannya bersama rakan menjadi mimpi ngeri selepas menyedari kejadian itu, 5 Februari lalu.

Susulan daripada kes itu, polis semalam mengesahkan telah menerima laporan kejadian tersebut dan sedang menyiasat kes itu dari pelbagai sudut.

Menurut Razlam, kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan kerana mengabaikan kehormatan seseorang. – KOSMO! ONLINE